

Inovasi pam sedut madu kelulut percepat tuaian

Mac 13, 2022 @ 5:50pm



Sarang lebah kelulut. - Foto hiasan

SEPANG: Pengalaman mengusahakan ternakan lebah kelulut beberapa tahun lalu memberi idea kepada Mohd Ismail Mohtar mencipta pam penyedut madu yang mampu mempercepatkan proses pengambilan madu, selain mudah dikendalikan dan pada harga mampu milik.

Pemuda berusia 33 tahun itu sudah mencipta tiga jenis pam penyedut madu kelulut yang diperkuat dengan motor berkuasa bateri dan dibezakan berdasarkan saiz balang.

Pemegang ijazah Kejuruteraan Mekatronik dari Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) itu berkata, pam jenis 'Cute Portable Sling Pump' dengan kekuatan dua motor itu dilengkapi balang madu berkapasiti 250 mililiter.

Katanya, ia menggunakan '*powerbank*' berkuasa 10,000 'milliamps per hour' (mAh) yang dijual pada harga RM159 seunit.

Mohd Ismail berkata, jenis 'Giant Portable Sling Pump' mempunyai ciri sama tetapi kapasiti balangnya lebih besar iaitu tiga liter dan dijual pada seunit, manakala jenis 'Jumbo Portable Sling Pump' mempunyai kuasa sedutan madu lebih kuat kerana dilengkapi empat motor dan dua '*powerbank*' yang setiap satu berkuasa 10,000 mAh.

"Pam model ini berkapasiti balang madu tiga liter dan dijual RM255 seunit. Semua model pam menggunakan sistem motor 12 volt.

"Model yang guna lebih daripada satu motor, kuasa sedutan madunya lebah lebih kuat, tetapi pelanggan tidak perlu risau kerana setiap model ada jaminan enam bulan," katanya yang berasal dari Klang tetapi kini menetap di Kampung Sungai Buah, Dengkil, Selangor, kepada BERNAMA.

Bapa kepada tiga anak itu berkata, proses pembuatan pam kini lebih pantas selepas beliau membeli dua mesin pencetak tiga dimensi (3D) kira-kira dua bulan lalu bagi menghasilkan '*casing*' atau sarung untuk menempatkan motor pam madu kelulut dan '*powerbank*'.

"Dengan adanya '*printer 3D*' ini, kerja saya jadi lebih cepat. Saya boleh siapkan antara empat hingga lima pam sehari dengan purata masa empat hingga lima jam untuk siapkan satu model pam," katanya.

Mesra dipanggil Mail, beliau berkata penghasilan pam dimulakan dengan melakar '*casing*' menggunakan Google SketchUp di komputer, sebelum dimuat turun ke dalam kad mini penyimpanan data '*SD card*' dan dimuat naik ke mesin pencetak 3D.

"Mesin pencetak 3D akan menghasilkan '*casing*' berdasarkan lakaran dibuat dan proses ini mengambil masa empat jam menggunakan plastik filamen yang dicairkan oleh mesin itu sebelum dibentuk secara automatik," katanya.

Isterinya, Norhafizah Hanum Halim, 36, membantu dari segi promosi menerusi Facebook dan kumpulan aplikasi Whatsapp, selain menggunakan platform e-dagang Shopee untuk memasarkan produknya sejak 2015.

"Sehingga kini saya sudah hasilkan lebih 3,000 unit pam penyedut madu kelulut dan rata-rata pembeli adalah pengusaha madu kelulut tempatan termasuk dari Brunei.

"Insya-Allah, dengan harga berpatutan dan kualiti yang memuaskan, saya harap dapat meluaskan perniagaan ini," katanya. - BERNAMA